



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 2 TAHUN 2020

PENGOPERASIAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

TUJUAN

Arahan Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan pengoperasian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020 atau mana-mana tarikh yang akan diumumkan oleh Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. YAB Perdana Menteri dalam perutusan pada 7 Jun 2020 mengumumkan PKPP bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020 bagi menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).
3. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara (KSN) juga telah mengeluarkan arahan **Budaya Kerja Perkhidmatan Awam Semasa Tempoh PKPP** bertarikh 8 Jun 2020 memaklumkan bahawa sepanjang tempoh PKPP ini, semua perkhidmatan Kerajaan beroperasi sepenuhnya.

4. Antara intipati arahan KSN berhubung pembukaan sektor awam sepenuhnya adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- a. **Sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (BDR) masih diteruskan** mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan penjawat awam sebagaimana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 Jld.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020;
- b. Semua projek-projek pembangunan diteruskan dengan kadar segera. Bagi projek yang benar-benar memerlukan lawatan tapak, aktiviti ini adalah dibenarkan dengan **mengamalkan kebiasaan baharu dan meminimalkan bilangan peserta**; dan
- c. **Mesyuarat dan bengkel juga dibenarkan untuk dianjurkan** dengan mematuhi prosedur keselamatan dan protokol kesihatan yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

5. KSN juga meminta Ketua-ketua Jabatan memastikan semua **Prosedur Operasi Standard (SOP) keselamatan dan kesihatan dipatuhi** sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan menyediakan *hand sanitizer*.

6. Sehubungan itu, bagi memastikan pengoperasian dan pengurusan dilaksanakan selaras dengan arahan dikeluarkan, **Arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha Bilangan 2 Tahun 2020: Pengoperasian KPT Dalam**

Tempoh PKPP dikeluarkan sebagai satu panduan tadbir urus untuk warga KPT sepanjang tempoh PKPP berkuat kuasa.

PANDUAN PENGOPERASIAN KPT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

7. Arahan ini terpakai kepada semua pegawai KPT termasuk pekerja kontrak, Pekerja Sambilan Harian (PSH), Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) dan pelajar latihan industri mulai **10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020** atau mana-mana tarikh yang akan diumumkan oleh Kerajaan.

Kehadiran Bekerja

8. Pegawai yang hadir bertugas perlu **mematuhi Waktu Bekerja Fleksi (WBF)** selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019.

9. Sistem penggiliran dan kebenaran BDR diberikan pertimbangan **mengikut keperluan**. Ketua Jabatan/ Penyelia perlu menggunakan **kebijaksanaan budi bicara** dalam menentukan sistem penggiliran dan BDR di Bahagian/ Jabatan masing-masing.

10. Panduan bagi Ketua Jabatan/ penyelia dalam mempertimbangkan pelaksanaan sistem penggiliran dan kebenaran BDR adalah seperti berikut:

- a. Bagi pegawai yang mempunyai tanggungan anak **yang berumur 12 tahun ke bawah** atau **anak-anak berstatus Orang Kurang Upaya (OKU)** yang bersekolah dan memerlukan penjagaan berterusan kerana sekolah belum dibuka.

- b. Bagi pegawai yang mempunyai **anak-anak yang dalam penjagaan taska** yang melaksanakan sistem penggiliran penjagaan kanak-kanak.

11. Dalam hal ini, Ketua Jabatan/ penyelia adalah bertanggungjawab dalam perkara berikut:

- a. Mengenal pasti pegawai di bawah seliaan masing-masing **yang layak** untuk diberi pertimbangan BDR/ penggiliran dalam tempoh PKPP;
- b. Memastikan pegawai yang BDR/ penggiliran mematuhi **Surat Edaran JPA** rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(6) bertarikh 2 Mei 2020 dan **Arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2020**;
- c. Memastikan semua perkhidmatan berfungsi sepenuhnya dengan **mematuhi prosedur keselamatan dan protokol kesihatan** yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM; dan
- d. Mengemukakan maklumat pegawai yang dibenarkan BDR/ penggiliran kepada **Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), KPT** untuk tujuan pelaporan kepada KSU.

Pelaksanaan Projek

12. Bagi terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara agar kembali berada di landasan, semua projek pembangunan di bawah KPT perlu diteruskan dengan kadar segera. Bagi **projek yang benar-benar**

memerlukan lawatan tapak, Ketua Jabatan/ penyelia perlu mematuhi perkara-perkara seperti berikut:

- a. Merancang dan menyediakan jadual lawatan tapak serta dilaporkan kepada KSU;
- b. Mematuhi SOP keselamatan dan kesihatan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM; dan
- c. Mengenalpasti bilangan kehadiran pegawai yang bersesuaian.

Pelaksanaan Mesyuarat dan Bengkel

13. Penganjuran mesyuarat dan bengkel dibenarkan tetapi tertakluk kepada **garis panduan/ peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa** selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (Pindaan 15 Julai 2019) mengenai Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/ Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan.

14. Mesyuarat dan bengkel boleh dilaksanakan di Institut Latihan Awam (ILA) atau premis/ kemudahan sedia ada milik Kerajaan yang bersesuaian termasuk hotel seperti mana dalam surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan rujukan MOF.NBO(S) 600.1/4/1 (42) bertarikh 28 Februari 2020 tertakluk kepada peruntukan adalah mencukupi.

15. Penganjur perlu memastikan penjarakan sosial, amalan standard kebersihan diri seperti memakai pelitup muka dan kerap membasuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer* dilaksanakan semasa mesyuarat dan bengkel berlangsung. Selain itu, pihak penganjur juga

perlu mematuhi **SOP keselamatan dan kesihatan** yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM dari semasa ke semasa.

PEMAKAIAN

16. Arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha Bilangan 2 Tahun 2020 ini **berkuat kuasa mulai tarikh arahan ini** dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2020 dan Surat Edaran JPA rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 Jld.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020 serta arahan atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

17. Arahan Pentadbiran ini adalah untuk kegunaan pegawai di KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) meliputi pekerja kontrak, Pekerja Sambilan Harian (PSH), Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) dan pelajar latihan industri serta boleh dipanjangkan kepada agensi-agensi di bawah KPT mengikut kesesuaian.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI DR. MAZLAN YUSOFF)

Ketua Setiausaha

17 Jun 2020